

Tawau paling berpotensi terdedah dengan ancaman tsunami

UB 26.7.2018 A4

Oleh AMIR ANUAR

TAWAU: Daerah Tawau disifatkan kawasan paling berpotensi terdedah dengan ancaman tsunami di negara ini, khususnya Sabah kerana terletak berhampiran pusat gempa bumi dan tsunami di wilayah jiran Indonesia dan Filipina.

Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendedahkan ancaman tsunami di negeri ini boleh terhasil dari peparit-peparit di negara-negara jiran.

Antaranya, Peparit Manila, Peparit Mindoro, Peparit Cotabato di Filipina, Peparit Sulawesi Utara di Indonesia, selain potensi berlakunya tanah runtuh bawah laut di cerun pelantar Sabah di Laut China Selatan.

Malah, bahagian Timur dan Utara Sabah pernah dilanda tsunami setinggi 2 meter pada 21 September 1897 susulan gempa bumi bermagnitud 7.5 di Laut Sulu, Zamboanga Filipina.

Namun Pengarah NDRC UMS Prof. Dr Felix Tongkul berkata keadaan di Tawau tidak terlalu serius berbanding di Jepun, Filipina dan Indonesia, dan berada pada tahap enam daripada skala satu hingga 10.

“Simulasi ombak tsunami menunjukkan ancaman tsunami di Tawau adalah tinggi kerana terdedah kepada ombak tsunami dari Laut Sulawesi dan dekat dengan sumber tsunami.

“Malah, sebahagian besar kawasan di Bandar Tawau bertopografi rendah, justeru penduduk Tawau harus sentiasa berwaspada dan bersedia jika berlaku tsunami.



FELIX menyampaikan ceramahnya sempena Program Pendidikan Awam Bencana Gempa Bumi dan Tsunami di Dewan Sri Tawau, Jalan Sin On Tawau.

“Cuma jika mengambil contoh kes di Malaysia, Tawau adalah lokasi yang serius untuk terkena kesannya jika berlaku tsunami di Sulawesi Utara atau Filipina Selatan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ceramahnya sempena Program Pendidikan Awam Bencana Gempa Bumi dan Tsunami di Dewan Sri Tawau, Jalan Sin On di sini pada Selasa.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Bencana Daerah Berangkap Presiden Majlis Perbandaran Tawau Alijus Sipil dan Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS Prof Dr Baba Musta.

Penceramah lain, Timbalan Pengarah NDRC UMS Dr Rodeano Roslee, Felo Penyelidik NDRC UMS Dr Muhammad Idris Bullare@Bahari dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian

Pembangunan Komuniti, Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) Mohd Faizal Ab Hamid.

Dr Felix berkata Pelantar laut di Tawau juga didapati agak sempit (berukuran 10-20km lebar), ketika ancaman bergantung kepada kelebaran pelantar laut dan jaraknya dari sumber tsunami.

“Jika ada gempa bumi dan tsunami di Peparit Sulawesi Utara, kesannya dilihat boleh sampai ke Tawau dalam masa 30 minit selepas kejadian itu mula-mula berlaku,” katanya.

“Kita juga percaya wujud keperluan untuk Tawau memiliki lebih dari satu siren amaran awal supaya proses evakuasi penduduk dapat dijalankan dengan lebih berkesan,” katanya.

Menurutnya, NDRC UMS mencadangkan kerajaan memasang siren amaran awal tsunami di sepanjang pesisir pantai Tawau berbanding

hanya satu sahaja dipasang di pusat bandar.


“Perkara sebegini baharu pertama kali kita kongsi kepada umum, sebab itu hari ini kita panggil semua kakitangan kerajaan supaya sedar dengan keadaan di sini,” katanya.

Ditanya berhubung jangka masa untuk tsunami berlaku pula, beliau berkata kejadian ombak besar itu sukar diramal dan hanya boleh terhasil daripada kesan gempa bumi.

“Kerisauan kita mengenai sikap orang kita yang memandang remeh dengan keperluan untuk bersedia kerana menganggap lagi tsunami datang ke tempat kita.

“Kita bukannya mahu buat persiapan yang hebat seperti di Jepun, Filipina dan Indonesia, tetapi sekurang-kurangnya kita sudah bersedia jika ada kejadian berlaku,” katanya.


Untuk rekod, setakat ini



Ancaman Utama:

1. P. Manila (PM)
2. P. Negros (PN)
3. P. Sulu (PS)
4. P. Cotabato (PC)
5. P. Shanghihe (PSh)
6. P. Sulawesi Utara (PSU)

GAMBARAJAH menunjukkan lokasi-lokasi peparit berhampiran Sabah yang menjadi sumber tsunami.



☆ **Sumber Tsunami dari Gempa Bumi**

SIMULASI tsunami yang dijalankan mendapati ombak tsunami dari Peparit Sulawesi yang berada pada jarak 300KM dengan Tawau boleh sampai ke negeri ini dalam masa 30 minit selepas mula-mula berlaku.

Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia di Bandar

Tawau ada ditempatkan di Masjid Al-Kauthar di

bawah Jabatan Meteorologi Malaysia.